

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SPP201 - Pengantar Pentadbiran Awam

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Semua soalan mempunyai nilai markah yang sama.

1. Menurut seorang penulis, (Donald A. Curtis, "Management in the Public Sector: It Really Is Harder", Management Review, Oktober 1980), pengurusan di dalam sektor awam bukan sahaja berbeza tetapi juga lebih sukar daripada pengurusan di dalam sektor swasta.

Setujukah anda dengan pandangan ini?

(100 markah)

2. Dengan merujuk kepada dua daripada empat perkara di bawah ini, jelaskan bahawa pembentukan keputusan tentang struktur organisasi merupakan satu proses "timbang-optima".

- (a) birokrasi sebagai model organisasi
- (b) organisasi mengurus dan organisasi pusat
- (c) bilangan kementerian
- (d) perbadanan awam

(100 markah)

...2/-

3. (a) Menurut M. Puthucheary:

"Pentadbir-pentadbir kanan dan pemimpin-pemimpin politik di peringkat pusat (di Malaysia) mempunyai hubungan yang erat dan kepercayaan antara satu sama lain. Inilah yang telah memberikan birokrasi kekuatan utamanya. Kuasanya merupakan kuasa terbitan, yang terbit daripada keyakinan dan sokongan yang diberikan kepadanya oleh pemimpin-pemimpin politik".

Nilaikan secara kritis pandangan Puthucheary mengenai punca-punca kuasa pentadbir.

- (b) Sekiranya sebahagian penting kewajipan pentadbiran awam ialah memelihara dan meningkatkan nilai-nilai kewarganegaraan, apakah yang boleh dilakukan oleh pentadbir-pentadbir untuk memenuhi kewajipan mereka ini?

(100 markah)

4. Pilih (a) atau (b).

- (a) (i) "Idea-idea tradisional mengenai pengawalan pentadbiran awam oleh menteri-menteri dan parlimen kini lebih merupakan mitos daripada realiti". Bincangkan.

- (ii) Huraikan pandangan bahawa pengawalan luaran yang memuaskan terhadap pentadbiran awam hanya dapat dicapai dengan menggunakan berbagai-bagai cara pengawalan luaran dan bukan dengan mana-mana satu cara sahaja.

- (b) (i) Jelaskan perselisihan pendapat antara Carl Friedrich dan Herman Finer mengenai tanggungjawab pentadbir.

- (ii) Apakah pendirian anda mengenai perselisihan Friedrich-Finer itu? Berikan sebab-sebab untuk pendirian anda tersebut.

(100 markah)